

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR}
TARIKH :
SOALAN :**

YB Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- (a)** sama ada virus Zika akan menyebabkan kerosakan yang teruk kepada kesihatan negara kita dan apakah cara terbaru untuk memerangi penyebaran penyakit bawaan nyamuk; dan
- (b)** sama ada Kerajaan Malaysia akan menggunakan vaksin denggi dalam masa terdekat.

Tuan Yang di-Pertua,

Bermula dari 31 Ogos sehingga 8 Oktober 2016 terdapat tujuh (7) kes Zika yang telah disahkan di seluruh negara ini. Dengan adanya 5 daripada 7 kes ini adalah jangkitan Zika tempatan, dijangkakan lebih banyak lagi kes-kes Zika akan dikesan di Malaysia. Disamping langkah pencegahan dan kawalan sediaada, Kementerian Kesihatan juga telah melaksanakan inisiatif baru pengawalan nyamuk Aedes iaitu seperti berikut :-

- i. Memantapkan usaha menghapuskan Aedes dengan melaksanakan teknik semburan *Outdoor Residual Spray (ORS)* terutama di bangunan strata, untuk mengawal populasi nyamuk Aedes. Kaedah telah dilaksanakan di daerah Petaling, Hulu Langat, Gombak, Klang dan Johor Bahru dan akan diperluaskan ke kawasan hotspot di negeri lain.
- ii. Menggunakan perangkap nyamuk yang dicipta oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) iaitu dinamakan MyMat. Perangkap ini berupaya memerangkap nyamuk dewasa serta membunuh jentik-jentik.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam masa terdekat, vaksin denggi masih belum digunakan di negara ini. Penemuan keberkesanan kajian vaksin denggi mendapati bahawa keberkesanan keseluruhan adalah 65.5% dan berbeza mengikut serotype dimana keberkesanan adalah rendah bagi serotaip 2 iaitu 47.1% dan tertinggi bagi serotaip empat (4) iaitu 83.2%. Oleh itu, kajian lanjut seperti pemantauan keberkesanan dan keselamatan penerima vaksin serta susulan perlu dilaksanakan oleh syarikat pengeluar vaksin ini bagi menjamin agar vaksin dapat memberi impak dalam mengurangkan denggi